

Umur lebih 40 tahun dibenarkan

(P)

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat — Ahli Pergerakan Pemuda Umno yang berumur lebih 40 tahun pada 1 Januari lalu dibenar menduduki jawatankuasa penaja cawangan dan bahagian, mulai 1 Julai ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Presiden Umno, Majlis Tertinggi (MT) parti itu membuat keputusan berkenaan berikutan penyusunan semula kawasan pilihan raya yang diluluskan oleh Parlimen bulan lalu.

"Mesyuarat MT Umno mengambil keputusan untuk menentukan pentadbiran bahagian dan penyusunan jawatankuasa penaja Umno mengikut Fasal 13 Perlembagaan Umno.

"Jawatankuasa Pengerusan Umno yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menimbang susunan cadangan jawatankuasa penaja bahagian yang dikemukakan oleh Badan Perhubungan Umno negeri 22 Jun ini," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno selama kira-kira dua jam di ibu pejabat parti itu di Menara Datuk Onn, di sini hari ini.

Fasal 13 Perlembagaan Umno menetapkan Jawatankuasa Umno Bahagian hendaklah mengandungi 25 anggota, termasuk seorang Ketua, Timbalan

Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan.

Mengenai mesyuarat agung khas Umno pada 19 Jun ini, Dr Mahathir menjelaskan, ia khusus bagi membincangkan isu politik wang sebagai perkara penting yang perlu diselesaikan segera walaupun ada ahli meminta isu lain turut disentuh.

"Cadangan pindaan Perlembagaan itu bukan sahaja menyentuh perkara berkenaan tetapi juga kandungan tata etika yang akan ditimbang dan dikaji oleh MT Umno apabila mendapat kuasa melalui pindaan itu.

"Pindaan ini hanya tertumpu kepada fasal berkaitan sahaja, iaitu memberi hak kepada MT Umno menggubal tata etika berkenaan," katanya.

Dr Mahathir dalam ucapan penggulungan di perhimpunan agung Umno Oktober lalu, menyaranakan supaya perhimpunan agung khas Umno diadakan bagi meminda Perlembagaan parti sebagai langkah membanteras gejala politik wang.

Ini berikutan desakan majoriti perwakilan Umno sepanjang perhimpunan itu yang mengecam amalan politik wang ketika pertandingan merebut jawatan penting dalam parti.

Pengerusi Tetap Umno, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Timbalannya, Datuk Shuib Ahmad, ha-

dir sama di mesyuarat MT Umno hari ini kerana ia khusus membincangkan mengenai persiapan perhimpunan agung khas Umno.

Mengenai prosedur perhimpunan agung khas itu, Dr Mahathir berkata selepas ucapan pembukaan oleh Presiden dan majlis berhenti rehat, Anwar akan mewakili MT mengemukakan usul berhubung cadangan pindaan Perlembagaan Umno.

Menurutnya, seorang wakil dari setiap badan Perhubungan Umno negeri akan berucap di perhimpunan agung khas itu. Selepas perbahasan usul, Anwar dan Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan penggulungan sebelum pengundian bagi meluluskan pindaan itu dimulakan.

Perdana Menteri juga berkata, mesyuarat MT Umno hari ini turut meluluskan cadangan penubuhan Kelab Umno Yogyakarta dan Sumatera Barat, Indonesia.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, memberitahu pemberita, kelonggaran syarat umur 40 tahun bagi ahli Pemuda Umno mengetuai jawatankuasa penaja cawangan dan bahagian bertujuan mengurangkan masalah di peringkat akar umbi.

Menurutnya, bilangan mereka yang terbabit tidak ramai.